

## **ABSTRAK**

Kajian penyelidikan ini menumpukan perhatian terhadap pengurusan seni persesembahan di Institusi Istana Budaya. Penyelidikan ini juga berobjektif untuk melihat sejarah penubuhan, kegiatan kesenian yang telah dipentaskan dan peranan Istana Budaya sebagai institusi kesenian serta kriteria-kriteria yang dikenakan oleh Istana Budaya kepada penggiat seni. Selain itu, dilihat juga sambutan dan reaksi orang ramai terhadap Istana Budaya.

Pada waktu penyelidikan dijalankan pengurusan dan pentadbiran Istana Budaya dipertanggungjawabkan kepada Pemangku Pengarah, Norliza Rofli yang menjalankan kerja-kerja pengarah. Sepanjang penglibatan beliau selama hampir dua tahun (Mei 1999 - April 2001) sebagai pemangku pengarah di Istana Budaya, pelbagai isu negatif telah timbul. Ini disebabkan oleh kekurangan kakitangan yang terlibat walaupun Istana Budaya mempunyai sistem kerja yang tersusun. Sikap pihak di Istana Budaya yang memandang rendah kepada penggiat seni yang baru dan muda telah menjadi polemik kerana mereka telah diketepikan sebaliknya lebih memberi peluang kepada mereka yang ternama seperti Dr. Hatta Azad Khan, Zakaria Arifin, dan Othman Ghani yang turut terlibat di dalam kementerian. Penglibatan mereka dalam kalender 2000 pementasan di Istana Budaya secara tidak langsung

telah menutup peluang kepada penggiat seni di luar untuk merealisasikan impian mereka bagi mementaskan karya.

Jawatan Pemangku Pengarah yang disandang oleh Norliza Rofli adalah sebagai pengisi kekosongan sementara Ketua Pengarah, Dr. Hatta Azad Khan dilantik menguruskan pengurusan di Istana Budaya. Dalam tempoh itu, didapati Istana Budaya berlaku kekurangan kemahiran teknikal pementasan khasnya dalam bidang solekan dan prop serta pegawai yang terlibat. Misi dan visi Istana Budaya ialah untuk merancang dan menggerakkan program produksi kesenian bermutu tinggi dalam bidang seni seni lakon, tari dan muzik. Dalam mencapai ke arah kecemerlangan seni, Istana Budaya menjaga kawalan mutu iaitu dengan mengutamakan mutu dan kualiti daripada kuantiti. Ini dijelaskan oleh Pemangku Pengarah, Norliza Rofli,

*“ Teater yang dipentaskan itu mestilah benar-benar memperlihatkan jiwa Melayu, identiti dan ciri-ciri Melayu walaupun menerusi teater Inggeris tetapi seharusnya ditonjolkan semua ini dalam semua pendekatan”*

Kawalan mutu yang dilaksanakan di Istana Budaya itu telah memberi makna bahawa pemilihan sesuatu karya adalah ketat dan secara tidak langsung banyak karya yang terpaksa diketepikan.. Bagi menyelesaikan permasalahan ini, Istana Budaya harus bersifat selektif tetapi terbuka dan

mesra. Pengisian staff hampir seratus peratus (100%) diharapkan betul-betul sesuai dalam bidang dan bersifat lebih profesional supaya sesuatu kerja dapat dilaksanakan dengan cekap tanpa membuang masa. Istana Budaya juga patut menukar corak pentadbiran iaitu daripada pentadbiran kerajaan sepenuhnya kepada pentadbiran yang lebih produktif iaitu sebagai entiti separa swasta.

Disertasi "Pengurusan Institusi Kesenian : Kes Istana Budaya" ini sedikit sebanyak dapat mencungkil pelbagai permasalahan terkini di institusi ini.

## **ABSTRACT**

This research focuses on the management of an Institution of performance art called Istana Budaya. The objective is to outline the history of the institution, its activities as staged and the role of Istana Budaya as an art institution. Also seen are the criterias set up by Istana Budaya for the artists. At the same time, this research examines also the public response and reaction towards performances at Istana Budaya.

The Acting Director, Norliza Rofli, was given the responsibility to manage and administer Istana Budaya. During her two years tenure (Mei 1999-April 2001) as the Acting Director, Norliza was faced with many negative issues. This is due to the shortage of staff even though Istana Budaya has a systematic working system. The attitude of staff at Istana Budaya, who look down upon the new and young artists is a continuing polemic. Opportunities were give to well known people such as Dr. Hatta Azad Khan, Zakaria Ariffin and Othman Ghani who are also those involved in the ministry. They were involved in the 2000 stagings at Istana Budaya and this is regarded as closing the opportunities for outside artists to realise their dream to stage their work at Istana Budaya.

Norliza Rofli is appointed as the Acting Director of Istana Budaya until the new appointed Chief of Director, Dr. Hatta Azad Khan took his position. In

the meantime, Istana Budaya is said to be inefficient especially due to the inadequate staff in theatre production mainly in coordinating make-up and preparing the props. Istana Budaya as an institution is an aspiration for productions of higher quality, be it in acting, dancing as well as musical performances. In achieving this stature, Istana Budaya must be totally tuned in with the quality of each production be in Malay or English. As Norliza Rofli explains,

*"The production of the theatre must be the heart and soul of the Malays. Though it is an English production, it must portray the true spirit of the Malays"*

The quality control has given an impression that the selection of any production to be staged in Istana Budaya is very strict. This has resulted in many productions being rejected. Nonetheless, Istana Budaya has to be selective but this should be done more friendly and transparent manner. The staff must not just acquire the proposed skills but must be equally professional so as to be more efficient and effective. Even more so, Istana Budaya has to consider having a management reconstruction, perhaps become a more productive entity or in other words become a semi-corporate organization.

This dissertation "The Management Of An Art Institution: The Case of Istana" is hoped to address the current problem faced by this institution.